

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Selangor, Sabah terus sumbang kes tertinggi

1,096 dilapor positif dengan 1,104 kes sembuh selain tiga kematian baharu

Oleh Fahmy A Rosly dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak 1,096 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, dengan Selangor terus mencatatkan kes tertinggi iaitu 603 kes (55 peratus), diikuti Sabah dengan 311 kes (28.4 peratus).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata angka kes baharu semalam menjadikan jumlah kumulatif kes positif dalam negara sebanyak 54,775 kes.

Katanya, pertambahan kes itu menjadikan jumlah kes aktif dan kebajikan di negara ini sebanyak 12,843 kes.

"Kes positif COVID-19 tinggi di Selangor berpunca daripada pertambahan kes bagi kluster sebelum ini terutama kluster berkaitan tempat kerja iaitu Kluster Teratai yang menyumbang 502 kes (83.3 peratus). Pertambahan kes di Selangor semalam menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri itu sebanyak 9,752 kes.

"Pertambahan kes di Sabah disebabkan peningkatan pengesanan kes dalam kalangan saringan kontak rapat, iaitu 139 kes (44.7 peratus).

"Sehingga kini jumlah kumu-



**Penduduk Kampung Muhibbah Raya** menjalani saringan di pekarangan Masjid Babus Saadah, di Tawau, semalam. (Foto BERNAMA)

latif kes COVID-19 di Sabah adalah sebanyak 26,098 kes," katanya dalam kenyataannya, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes semalam turut disumbangkan oleh kluster di dalam penjara dan Pusat Tahanan Sementara (PTS) termasuk Kluster Tembok (42 kes), Kluster Bakti (16 kes), Kluster Rumah Merah (empat kes), Kluster Penjara Sandakan (empat kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (dua kes).

Katanya, pertambahan kes turut dikesan di Kluster Penjara Reman dengan dua kes dilaporkan, selain masing-masing satu kes di Kluster Penjara Kepadayan dan Kluster Matambai.

"Sehingga kini, seramai 106 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu 46 kes memerlukan bantuan perna-

fan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, negeri lain mencatatkan pertambahan kes ialah Perak dengan 55 kes baharu, manakala Kuala Lumpur 30 kes dan Negeri Sembilan dengan 29 kes.

Katanya, turut mencatatkan kes baharu ialah Kedah (16), Pulau Pinang (15), Labuan (13), Johor (9), Kelantan (8), Melaka (5) dan masing-masing satu kes di Putrajaya serta Perlis.

Beliau berkata, tiga kes kematian dicatatkan di Sabah, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 335 kes atau 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, satu kes kematian masing-masing dilaporkan di Hospital Tawau, Hospital Queen Of Elizabeth dan Hospital Duchess of Kent di Sandakan.

"Kes kematian ke-333 dilapor-

kan di Hospital Tawau memabitkan lelaki warganegara berusia 68 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi dan strok.

"Kematian ke-334 dilaporkan di Hospital Queen of Elizabeth iaitu lelaki berusia 90 tahun dan mempunyai penyakit strok, dislipidemia dan penyakit aritmia jantung.

"Kes kematian ke-335 memabitkan wanita warga asing berusia 80 tahun yang mempunyai sejarah penyakit strok (serangan angin ahmar) dan meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 1,104 kes sembuh dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 41,597 kes atau 75.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

## SMSU mohon KKM perkemas langkah jaga kesihatan mental petugas

**Kota Kinabalu:** Kesatuan Perkhidmatan Perubatan Sabah (SMSU) memohon kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan (KKM) memperkemas langkah dan strategi menjaga kesihatan mental petugas kesihatan yang kini berdepan cabaran getir susulan pandemik COVID-19.

SMSU amat menghargai langkah memberikan perkhidmatan kaunseling untuk petugas kesihatan Sabah dan dari Semanjung yang bertugas di negeri ini.

Bagaimanapun, pihaknya berharap langkah itu dapat berjalan serentak dengan usaha menjaga kebajikan bagi memastikan petugas mampu melaksana tugas dengan berkesan.

Presiden SMSU, Ajulahn Japin, berkata pihaknya menerima laporan petugas kesihatan di negeri ini terpaksa bertugas syif 12 jam bagi mengekang pandemik itu, justeru tekanan dihadapi petugas berkenaan perlu diurus baik melalui sesi kaunseling dan mengimbangi beban kerja petugas itu.

"Kebanyakan kes kita lihat serang didapat positif COVID-19 bukan hanya dia seorang, malah orang sekeliling dan kontak rapatnya juga dikuarantin menyebabkan ini secara automatik tempat itu (kemudahan kesihatan) akan berlaku kekurangan petugas.

"Petugas kurang, kerja terpaksa dibuat itu akan terlebih, ini akan menimbulkan tekanan buat petugas yang tinggal untuk meneruskan tugas.

Justeru, perlu ada cara lebih berkesan mengimbangi kekurangan petugas serta situasi lain menyebabkan petugas tertekan," katanya.

Ajulahn berkata, kesihatan mental tidak dijaga dengan baik boleh menyebabkan kualiti kerja petugas kesihatan itu terjejas kerana kualiti kerja itu amat penting ketika berdepan situasi penularan COVID-19 pada masa ini.

Penolong Setiausaha Agung SMSU, Melvin Ebin Bondi, berkata tiga komponen penting boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental iaitu tekanan, kegelisahan dan kemurungan dan ini perlu dikesan awal dalam kalangan petugas kesihatan terbabit.

"Sekiranya tidak dikesan awal dan diurus baik atau tidak dijaga, boleh menyebabkan masalah mental lebih buruk.

"Masalah 'burn out' juga perlu kita jaga dalam kalangan petugas kerana sekarang terpaksa kerja lebih daripada masa kerja normal," katanya.

## 3 lagi kluster baharu dikesan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan tiga lagi kluster baharu berkaitan COVID-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster berkenaan dikesan di Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Kedah.

Katanya, setakat ini, seramai 802 individu disaring dengan 45 dikesan positif dalam tiga kluster berkenaan.

"Kluster Pengkalan Barat memabitkan daerah Barat Daya, Pulau Pinang dan Kerian, Kuala Kangsar serta Kinta, Perak. Kes indeks (kes ke-42,002)

dilaporkan positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja, pada 10 November lalu. Setakat hari ini (semalam), sejumlah 251 individu disaring, di mana 19 kes dikesan positif COVID-19.

"Kluster Bakti memabitkan penjara di Seremban, Negeri Sembilan. Kes indeks (kes ke-54,624) adalah banduan dilaporkan positif COVID-19 hari ini (semalam) melalui saringan memasuki tahanan ke penjara. Sehingga kini (semalam), sejumlah 481 individu disaring, di mana 16 kes dikesan positif COVID-19.

"Kluster Bayam Indah memabitkan daerah Kulim dan Kuala Muda, Kedah. Kes indeks (kes

ke-53,580) dilaporkan positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala semalam (kelmarin). Seramai 70 individu disaring, di mana 10 kes dikesan positif COVID-19," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, tiga kluster itu menjadikan keseluruhan 330 kluster dilaporkan setakat ini.

Katanya, sebanyak empat kluster tamat semalam, menjadikan jumlah terkini adalah 163 kluster tamat.

"Empat kluster yang tamat semalam, iaitu Kluster Kasih, Kluster Baiduri, Kluster Long dan Kluster Bestari. Ini menjadikan



**Dr Noor Hisham Abdullah**

jumlah kluster aktif yang dipantau ialah 167 kluster. Dari jumlah itu, 54 kluster melaporkan pertambahan kes.

"Kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Teratai (504 kes), Kluster Tembok (42 kes) dan Kluster Kaya (20 kes)," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : COVID-19

Oleh Ekhwan Haque  
Fazlul Haque  
ekhwan@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**K**es positif Covid-19 di negara ini kekal empat digit, semalam dengan merekodkan 1,096 kes baharu, semalam.

Selangor mencatatkan kes positif tertinggi dengan 603 kes manakala Sabah merekodkan 139 kes.

Peningkatan kes di Selangor disebabkan pertambahan kes bagi Kluster Teratai yang merekodkan sebanyak 502 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat jam 12 tengah hari, jumlah kes kumulatif 54,775 kes dengan jumlah kebolehjangkitan pula 12,843 kes.

Menurutnya, 1,104 kes pulih, semalam menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh

# Selangor catat kes tertinggi

*Kluster Teratai rekod pertambahan 502 jangkitan*



sepenuhnya daripada Covid-19 adalah 41,597 kes.

“Sehingga kini, ada 106 kes positif dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 46 kes memerlukan bantuan pernafasan.

“Selain itu, tiga kematian direkodkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah ke-

seluruhan kematian 335 kes,” katanya.

Beliau berkata, pesakit yang meninggal dunia masing-masing dua lelaki dan wanita berusia 68 hingga 90 tahun dengan semuanya di Sabah.

Menurutnya, tiga lagi kluster baharu direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam membabitkan Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Kedah.

Katanya, ia membabitkan Kluster Pengkalan Barat di daerah Barat Daya, Pulau Pi-

nang; Kerian, Kuala Kangsar dan Kinta di Perak apabila 19 daripada 251 individu disaring disahkan positif Covid-19.

“Kluster Bakti pula membabitkan sebuah penjara di Seremban dengan kes indeks seorang banduan dan 16 individu disahkan positif bagi kluster ini.

“Bagi Kluster Bayam Indah membabitkan daerah Kulim dan Kuala Muda di Kedah dengan 10 individu disahkan positif selepas saringan dijalankan terhadap 70 individu,” katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

## Kes baharu di Selangor terus atasi Sabah

**PUTRAJAYA** - Pertambahan kes di 54 kluster sedia ada terutamanya Kluster Teratai di Selangor menjadi punca kes positif Covid-19 di negeri itu mencatatkan angka tertinggi semalam sebanyak 603 kes.

Kluster Teratai yang merupakan kluster tempat kerja merekodkan 502 kes iaitu peningkatan hampir dua kali ganda berbanding 298 pada hari sebelumnya.

Angka itu mendahului Sabah yang melaporkan 311 kes atau 28.4 peratus yang antara lain disumbangkan daripada pengesanan kes dalam kalangan saringan kontak rapat sebanyak 139.

Kes-kes baharu itu menyumbang kepada sebahagian besar angka harian yang melaporkan 1,096 dengan enam daripadanya adalah kes import.

Jumlah 1,104 pesakit sembuh semalam merupakan hari kedua berturut-turut kes sembuh melebihi penularan harian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, angka kes harian semalam turut disumbangkan daripada kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara dengan 72 kes atau 6.6 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Beliau berkata, kluster terlibat ialah Kluster Tombok dengan 42 kes, Kluster Bakti (16) serta Kluster Rumah Merah



**PENGUSAHA dobi tradisional, A. Raman, 59, di Jalan York, George Town menjalankan perniagaan seperti biasa walaupun di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.** - AMIR IRSYAD OMAR

dan Kluster Penjara Sandakan masing-masing empat kes.

Menurutnya, Kluster Penjara Seberang Perai dan Kluster Penjara Reman masing-masing merekodkan dua kes, manakala Kluster Penjara Kepayan dan Kluster Matambai masing-masing satu kes.

"Sehingga kini, sebanyak 330 kluster telah dilaporkan dan tiga daripadanya ialah kluster baharu menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau sebanyak 167 kluster," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, kluster baharu yang dilaporkan semalam ialah Kluster Pengkalan

Barat melibatkan 19 kes hasil saringan tempat kerja.

Beliau berkata, kluster itu melibatkan daerah Barat Daya di Pulau Pinang serta daerah Kerian, Kuala Kangsar dan Kinta di Perak.

"Seterusnya Kluster Bakti dikesan melibatkan sebuah penjara di daerah Seremban, Negeri Sembilan selepas kes indeks yang juga seorang banduan dilaporkan positif pada 22 November hasil saringan kemasukan tahanan ke penjara.

"Susulan itu, sejumlah 16 kes dikesan positif hasil saringan ke atas 481 individu setakat semalam," katanya.

Noor Hisham berkata, kluster Bayam Indah pula melibatkan daerah Kulim dan Kuala Muda di Kedah selepas kes indeks dilaporkan positif hasil saringan bergejala pada 21 November dengan 10 lagi dikesan positif.

Sementara itu, beliau berkata, terdapat tiga kematian di Sabah masing-masing di Hospital Tawau, Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Duchess of Kent.

Tambah beliau, kematian ke-333 dan ke-334 melibatkan dua lelaki tempatan berusia 68 dan 90 tahun, manakala kematian ke-335 membabitkan wanita warga asing berusia 80 tahun.

## Tetamu kenduri perlu jalani ujian saringan

**KOTA BHARU** - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) memohon agar tetamu yang menghadiri kenduri di Kampung Chengal dekat Ketereh Ahad lalu supaya tampil menjalani saringan Covid-19.

Pengarahnya, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, orang ramai digalakkan hadir ke Pusat Kesihatan berhampiran kawasan masing-masing.

Katanya, ini kerana, salah seorang tetamu yang menghadiri majlis berkenaan disahkan positif Covid-19.

"Selepas ujian saringan dilakukan, JKNC mendapati salah seorang tetamu yang hadir pada majlis tersebut disahkan positif.

"Bagaimanapun, kita masih menjalankan siasatan lanjut sama ada individu itu ada kaitan dengan mana-mana kluster sedia ada," katanya.

Zaini turut menasihatkan kepada semua tetamu yang menghadiri majlis tersebut agar tampil menjalani saringan Covid-19 seberapa segera bagi mengelak gejala itu terus merebak kepada orang lain.

Sehingga kini, sebanyak 71 kes aktif di Kelantan dilaporkan dengan membabitkan dua kluster.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 1,096 kes baharu, tiga kematian

Selangor masih catat kes tertinggi Covid-19 dengan 603 kes positif semalam

KUALA LUMPUR

Malaysia mencatatkan 1,096 kes baharu pandemik coronavirus (Covid-19) dengan Selangor terus mencatatkan kes tertinggi iaitu 603 kes (55 peratus) dan diikuti Sabah dengan 311 kes (28.4 peratus).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka kes baharu itu menjadikan jumlah kes positif dalam negara sebanyak 54,775 kes.

Bagaimanapun, jumlah kes pulih melebihi kes baharu dengan 1,104

kes direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh 41,597 kes.

Menurut beliau, catatan kes baharu itu menjadikan bilangan kes aktif dengan kebolehsanggkutan sebanyak 12,843 kes.

Beliau berkata, daripada 1,096 kes baharu semalam, sebanyak 1,090 kes melibatkan penularan tempatan manakala bakinya adalah kes import.

"Angka Covid-19 yang tinggi di Selangor berpunca daripada pertambahan kes bagi kluster terutamanya berkaitan tempat kerja iaitu Kluster Teratai dengan pertambahan 502 kes (83.3 peratus).

"Sabah pula mencatatkan jumlah kes yang tinggi pada hari ini (semalam) disebabkan



DR NOOR HISHAM

peningkatan pengesanan kes dalam kalangan saringan kontak rapat iaitu 139 kes (44.7 peratus)," kata Dr Noor Hisham dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, sejumlah 72 kes (6.6 peratus) dilaporkan semalam adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara dan penjara membabitkan Kluster Tombok (42 kes), Kluster Bakti (16 kes), Kluster Rumah Merah (empat kes), Kluster Penjara Sandakan (empat kes), Kluster Penjara Seberang Perai (dua kes), Kluster Penjara Reman (dua kes), Kluster Penjara Kepayan (satu kes) dan

Kluster Matambai (satu kes).

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 106 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 46 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Terdapat tiga kematian melibatkan dua lelaki dan seorang wanita di Sabah, menjadikan jumlah kumulatif kematian dalam negara 335 kes.

"Kes kematian itu melibatkan dua lelaki tempatan berumur 68 tahun yang meninggal dunia di Hospital Tawau dan mempunyai sejarah penyakit darah tinggi dan strok, manakala seorang lagi lelaki tempatan berumur 90 tahun di Hospital Queen Elizabeth serta mempunyai sejarah penyakit strok, dislipidemia dan aritmia jantung," katanya.

Kes kematian wanita itu


pula merupakan warga emas berumur 80 tahun dan bukan warganegara yang mendapat rawatan di Hospital Duchess of Kent dan mempunyai sejarah penyakit strok.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat tiga kluster baharu dikenal pasti iaitu Kluster Pengkalan Barat, Kluster Bakti dan Kluster Bayam Indah.

Satu kes direkodkan daripada Kluster Pengkalan Barat, Perak, manakala 16 kes daripada Kluster Bakti, Negeri Sembilan dan lima kes daripada Kluster Bayam Indah, Kedah, katanya.

Dalam pada itu menurutnya, empat kluster diisytiharkan tamat iaitu Kluster Kasih, Kluster Baiduri, Kluster Long dan Kluster Bestari.

- Bernama



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

# Alif Satar positif dijangkiti Covid-19

Kini sedang jalani proses kuarantin di sebuah pusat perubahan di Melaka

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

**P**enyanyi dan pengacara, Muhammad Alif Mohd Satar atau Alif Satar mendapat berita yang mengejutkan apabila beliau disahkan positif Covid-19 dan kini sedang menjalani proses kuarantin.

Menerusi Instagram, Alif memaklumkan keputusan ujian saringan yang terkini menunjukkan beliau dijangkiti virus tersebut.

"Perkara pertama bila Alif dapat tahu keputusan ini adalah semestinya tahap keselamatan keluarga, isteri dan anak-anak serta rakan-rakan di set penggambaran dan kontak rapat yang telah berjumpa dengan Alif," katanya di Instagram semalam.

Bagaimanapun, Alif berkata, beliau telah memberikan nama kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengesan individu atau kontak rapat yang berhubung dengannya sebelum ini.

Alif turut memohon maaf atas segala kesulitan itu dan beliau memohon doa semua



Alif melalui laman Instagramnya semalam memaklumkan beliau disahkan positif Covid-19. Gambar kecil: Alif Satar.

**Perkara pertama bila Alif dapat tahu keputusan ini adalah semestinya tahap keselamatan keluarga, isteri dan anak-anak serta rakan-rakan di set penggambaran dan kontak rapat yang telah berjumpa dengan Alif."**

agar diberi kesembuhan dan kekuatan untuk menempuhi dugaan ALLAH SWT.

"Alif doa agar semua terhindar daripada sebarang kemudaratan," katanya.

Sementara itu, pengurusnya, Adlina Abu Bakar memaklumkan penghibur popular itu kini menjalani rawatan dan proses kuarantin di sebuah pusat perubahan di Melaka bermula semalam.

Jumaat lalu, Alif tampil mendendangkan lagu *I Want You To Love Me* pada Separuh Akhir Muzik-Muzik 35 (SFMM35) di Sri Pentas 2, Plaza Alam Sentral, Shah Alam.

Sementara itu, SFMM35 episod ketiga yang dijadual berlangsung jam 9 malam tadi ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

## KKMM tingkat inisiatif komunikasi Covid-19, kata Saifuddin

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sedang berusaha meningkatkan inisiatif komunikasi Covid-19 dengan tumpuan kini terhadap kualiti dan keberkesanan inisiatif yang dijalankan.



SAIFUDDIN

Menterinya, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, inisiatif itu termasuk berkongsi data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung penularan tidak terkawal serta menjalankan tinjauan bagi memahami profil dan cabaran dihadapi setiap kelompok masyarakat yang terjejas oleh pandemik tersebut.

Beliau berkata, pihaknya juga akan mengenal pasti faktor-faktor yang menimbulkan isu seperti keletihan/tekanan dan kealpaan bermusim; kurangnya atau ketidapatuhan kepada prosedur operasi standard (SOP), ketidakfahaman tentang hakikat perlu hidup bersama dengan Covid-19, defisit kepercayaan dan 'maklumat palsu' serta kaedah menangannya.

"(Inisiatif lain ialah) Meluaskan sebaran buku Pembudayaan Normal Baharu dalam Komuniti bagi Mencegah Penularan Covid-19 dalam bentuk e-book dan diperluas dalam media sosial," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Saifuddin dilaporkan berkata, keberkesanan inisiatif komunikasi yang telah dilaksanakan setakat ini

agak baik, namun perlu dilipatgandakan dengan perancangan dan pelaksanaan lebih berseamatis.

Menurutnya, defisit kepercayaan terhadap agensi menangani Covid-19 merupakan antara cabaran yang dihadapi dalam

pelaksanaan inisiatif komunikasi berkesan sehingga menyebabkan segeintir masyarakat tidak mematuhi SOP dan arahan kerajaan.

Katanya, inisiatif lain yang akan ditingkatkan ialah mengubah naratif daripada menjual 'ketakutan' kepada 'harapan' dan 'kemajuan'; mengubah mesej daripada menekankan 'hukuman' kepada 'positive re-enforcement' dan menyediakan kandungan lebih kreatif.

Selain itu, menggunakan pendekatan penceritaan termasuk kisah kejayaan dan wira tak didendang, menyebarkan kesedaran dan pendidikan bersasar, menyediakan pelan komunikasi tentang vaksin serta meningkatkan dan memperkasakan kemampuan media sosial KKMM serta agensi-agensi kerajaan.

Tambahnya, kandungan Grand Stand Selamat Pagi Malaysia di RTM juga akan diperbaiki selain mengundang penerbit atau netizen menghasilkan video, dokumentari, drama, filem dan produk media sosial yang menarik pada kadar segera, melalui dana yang disediakan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas). - *Bernama*

## MMA cadang libatkan penjagaan kesihatan swasta perangi Covid-19

**SHAH ALAM** - Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) meminta kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk melibatkan pihak penjagaan kesihatan swasta dalam usaha melawan wabak coronavirus (Covid-19).

Presidennya, Profesor Datuk Dr M Subramaniam berkata, setakat ini pihaknya melihat keupayaan pihak penjagaan kesihatan swasta masih kurang dimanfaatkan.

Beliau berkata, kemudahan kesihatan kerajaan tidak patut dibiarkan melawan wabak itu sendirian.

"Pihak kesihatan swasta adalah komponen penting dalam sistem penjagaan kesihatan keseluruhan negara kita dan

dapat menjadi kekuatan tambahan dalam menguruskan Covid-19, namun ia kurang dimanfaatkan.

"Sudah tiba masanya, kita meredakan tekanan kepada petugas kesihatan awam dan melihat kekuatan gabungan kesihatan awam dan swasta untuk meningkatkan usaha dalam menguruskan Covid-19 serta keperluan penjagaan kesihatan lain," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Subramaniam berkata, banyak klinik dan hospital di seluruh negara



DR SUBRAMANIAM

melaporkan kehadiran pesakit berkurang antara 70 hingga 80 peratus dengan pengurangan pendapatan yang signifikan dan kelangsungan perkhidmatan mereka terancam teruk.

Katanya, ramai doktor senior yang berpengalaman turut mempertimbangkan untuk gulung tikar atau bersara, selain kira-kira 200 buah klinik di seluruh negara dijangka ditutup menjelang akhir tahun ini.

"MMA percaya jika kerjasama antara kesihatan awam dan swasta dapat

dilaksanakan, ia akan memberi manfaat kepada rakyat.

"Pesakit juga akan dilayani dengan lebih baik apabila kedua-dua sektor memaksimumkan perkhidmatan kesihatan berbanding bekerja secara berasingan," katanya.

Beliau berkata, kini terdapat seramai 7,000 doktor kesihatan terlatih Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan 3,000 lagi pakar swasta yang berkhidmat di lebih daripada 200 hospital swasta di seluruh negara.

Menurutnya, pada tahun 2018 merekodkan sektor swasta terdiri daripada 14,649 doktor, 5,174 ahli farmasi dan 34,874 jururawat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Selangor terus rekod kes Covid-19 tertinggi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Selangor mencatatkan kes baharu positif Covid-19 tertinggi iaitu hampir dua kali ganda dari Sabah dengan 603 kes berbanding 311 kes di Negeri Di Bawah Bayu itu.

Peningkatan di Selangor berpunca pertambahan kes Kluster Teratai dengan 502 kes manakala di Sabah disebabkan saringan kontak rapat iaitu 139 kes.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes di kedua-dua negeri tersebut meningkatkan keseluruhan kes positif baharu iaitu 1,096 kes sekali gus menjadikan jumlah kumulatif negara ini sebanyak 54,775 kes.

Menurut beliau, tiga kematian selain tiga lagi kluster baharu direkodkan semalam.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan adalah 12,843 kes dengan enam kes import.

"Bagaimanapun, kes sembah 1,104 kes iaitu melebihi kes baharu, selain 106 kes dirawat di unit rawatan rapi dengan 46 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata,



**PETUGAS kesihatan melakukan saringan Covid-19 kepada pekerja Kilang Top Glove di pintu pagar hadapan asrama kilang tersebut di Meru, Klang yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan bermula 19 hingga 30 November ini. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI**

tiga kluster baharu ialah Kluster Pengkalan Barat melibatkan Barat Daya, Pulau Pinang serta Kerian, Kuala Kangsar dan Kinta di Perak yang dikenal pasti hasil saringan di tempat kerja dengan merekodkan 19 kes positif.

Menurut beliau, Kluster Bakti melibatkan penjara di Seremban, Negeri Sembilan dengan

kes indeks membabitkan serorang banduan yang dikesan melalui saringan kemasukan tahanan ke penjara sekali gus merekodkan 16 kes.

Tambah beliau, satu lagi kluster ialah Kluster Bayam Indah melibatkan Kulim dan Kuala Muda, Kedah (10 kes).

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, perkembangan

kes di negeri-negeri lain pula ialah Perak mencatatkan 55 kes, Kuala Lumpur (30 kes), Negeri Sembilan (29 kes), Kedah (16 kes), Pulau Pinang (15 kes), Labuan (13 kes) dan Johor (9 kes).

Kelantan merekodkan lapan kes, Melaka (5 kes) dan masing-masing satu kes di Putrajaya dan Perlis.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



People doing their marketing at Selayang Market yesterday. PIC BY ASYRAF HAMZAH

### THREE DEATHS

# SELANGOR'S 603 CASES A NEW DAILY RECORD

Spike mainly due to workplace clusters, says Health director-general

THARANYA ARUMUGAM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**S**ELANGOR registered 603 new Covid-19 cases yesterday, its highest ever single-day tally since the pandemic began.

Selangor's 603 cases made up 55 per cent of the new 1,096 cases nationwide.

The state previously recorded its highest single-day tally on Thursday with 407 new cases.

Health director-general Tan Sri

Dr Noor Hisham Abdullah said the spike in Covid-19 cases in Selangor stemmed especially from workplace clusters, namely the Teratal cluster with 502 cases (83.3 per cent).

"Of the 603 cases, 536 were detected from clusters, 27 during close-contact screenings, one imported case, and the remaining 39 from other Covid-19 screenings," he said yesterday.

Dr Noor Hisham said Sabah registered the next highest number of cases at 311, which was 28.4 per cent of the national total.

"Sabah recorded a high number of cases today (yesterday) due to the increase in case detection among close-contact screenings at 139 cases (44.7 per cent).

"Of the 311 cases, 58 were from existing clusters, 139 detected during close-contact screenings

and 114 during other Covid-19-related screenings."

Selangor, up to yesterday, had a cumulative Covid-19 infection number of 9,752, the second highest after Sabah at 26,098 cases.

Other states with new daily cases were Perak (55), Kuala Lumpur (30), Negri Sembilan (29), Kedah (16), Penang (15), Labuan (13), Johor (nine), Kelantan (eight), Melaka (five), Putrajaya (one) and Perlis (one).

Only three states — Pahang, Terengganu, and Sarawak — registered no new daily cases.

A total of 72 cases (6.6 per cent) reported were related to clusters in the temporary detention centres (PTS) and prisons, involving the Tembok cluster (42 cases), Bakti cluster (16), Rumah Merah Cluster (four), Sandakan Prison cluster (four), Seberang Perai

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS



Prison cluster (two), Reman Prison cluster (two), Kepayan Prison cluster (one) and Matambai Cluster (one).

"Six of the 1,096 new cases (registered yesterday) are imported while the rest are local transmissions.

"This brings the tally of infections to 55,775, including 12,843 active cases."

The ministry reported three Covid-19 deaths — all in Sabah — raising the nationwide death toll to 335.

The three — a woman (aged 80) and two men (68 and 90) — had a history of high-blood pressure, stroke, dyslipidemia and cardiac arrhythmia.

Meanwhile, 1,104 patients had been discharged from hospitals, bringing the total recoveries to 41,597.

Yesterday was also the second day in a row where the number of Covid-19 recoveries exceeded the number of new cases.

"A total of 106 cases are in intensive care, 46 requiring ventilator support."

Dr Noor Hisham said the ministry had detected three new Covid-19 clusters, bringing the number of active clusters to 167.

Of the active clusters, he said, 54 reported an increase in cases, with the top three being the Teratai cluster (504 cases), Tembok cluster (42) and Kaya cluster (20).

He said the three new clusters were the Pengkalan Barat cluster, Bakti cluster and Bayam Indah cluster.

The Pengkalan Barat cluster involved Barat Daya, Penang; Kerian, Kuala Kangsar; and Kinta, Perak.

"The index case, Case 42,002, was confirmed positive on Nov 10 following a workplace screening. Up to today (yesterday), 251 people have been screened, with 19 testing positive."

As for the Bakti cluster, he said it involved a prison in Seremban, Negri Sembilan.

He said the index case of the cluster (Case 54,624) was an inmate who tested positive yesterday during an entry screening in the prison.

"Up to Nov 22 (yesterday), 481 people have been screened, with 16 testing positive."

On the Bayam Indah cluster detected in Kulim and Kuala Luda in Kedah, he said, its index case (Case 53,580) was confirmed positive on Saturday following a screening of symptomatic individuals.

"Up to Nov 22 (yesterday), 70 people linked to this cluster have been screened, with 10 returning positive for Covid-19."

**Page 1 pic:** Firefighters and Civil Defence Force personnel relocating victims in an evacuation at Kampung Bendang Luas in Selama, Perak.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

# 'Give the vaccine to everyone'

## Experts: Withholding from non-citizens can lead to micro-outbreaks

By ASHLEY TANG  
ashleytang@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Covid-19 vaccinations will only make a difference if vaccines are made available to everyone, including migrant workers and those in Malaysia illegally, say health experts.

These were some of the considerations which needed to be factored in when taking into account who should be prioritised in getting the vaccine, said Universiti Malaya (UM) medical faculty dean Datuk Prof Dr Adeeba Kamarulzaman.

She spoke of the huge economic impact as a result of infections among construction workers and security guards.

### Battling Covid-19

"In fact, it has a huge socio-economic impact because we go into lockdowns and the socio-economy collapses," she said after a public health talk between UM and Yale University.

The event was hosted by the US Embassy on Facebook on Saturday.

Yale University medicine and public health Prof Dr Frederick L. Altice said if governments want to protect their entire country, everyone, including those there illegally,

should be given the vaccine.

"They also have to make a clear decision on who should be prioritised," he said.

Dr Altice pointed out that in the United States, the framework for an equitable Covid-19 vaccine distribution was based on a four-phase approach.

The ones in the first phase, he said, were those who were at risk of acquiring an infection which includes high-risk health workers and first responders while those in the second phase includes those with severe morbidity and mortality such as, among others, critical workers in essential services, schools, nursing homes, and even those in confined spaces like prisons.

He said the third phase would include young adults, children and those working in sectors that have an increased risk of exposure, while the fourth stage would be for those who missed out in the earlier phases.

"The idea of withholding the vaccine from people who are not citizens will be sort of undermining the entire public health effort because you will have micro-outbreaks that will lead to macro-outbreaks that will be quite debilitating," he said.

Separately, Dr Adeeba and Dr Altice both called for the communication on the vaccine to be expedited immediately to the public due to the considerable number of sceptics and vaccine deniers.

"We know this even from vaccines that have been proven for generations like the measles, mumps, and rubella vaccine and for those against diphtheria," Dr Adeeba said, noting that deaths in children from these preventable diseases occurred because of parents who did not believe in vaccines.

Dr Altice said that even in the best vaccines, there would be and always be a potential for having an adverse side effect although that was incredibly rare.

He assured that every adverse side effect of the Covid-19 vaccine will be thoroughly investigated in every single case during the phase four stages when it was being administered in the population.

## Selangor numbers spike with new cases from Teratai cluster

By RASHVINJEET S. BEDI  
newsdesk@thstar.com.my

**PETALING JAYA:** An existing Covid-19 cluster linked to a Top Glove factory in Selangor contributed to almost half of the latest 1,096 cases reported in the state.

The Teratai cluster reported 504 new cases, raising total cases from the cluster to 1,457, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday.

Dr Noor Hisham said that in total 5,762 people have been screened in the cluster which emerged on Nov 7.

The cluster involving people from Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Gombak, Kepong and Cheras has 1,310 active cases, with 147 individuals discharged so far.

Dr Noor Hisham said the Tembok cluster in Kedah and Perak reported 42 new cases, bringing the total

number of cases in the cluster to 2,056. Of this, 1,577 persons have been discharged.

To date, the number of Covid-19 infections stand at 54,775, with 12,843 active cases. Recoveries total 41,597 or 75.9%.

Dr Noor Hisham said 1,104 patients recovered over the last 24 hours.

There were three fatalities recorded in Sabah, bringing the death toll to 335.

The DG said three new Covid-19 clusters were reported, bringing the total number of clusters in the country to 330.

The Pengkalan Barat cluster involving the southwestern districts of Penang, as well as Kerian, Kuala Kangsar and Kinta in Perak had 19 positive cases out of 251 persons screened.

The index case was detected following a workplace screening for the virus, he added.

The Bakti cluster was detected at a prison in Seremban, with the index case being a prisoner who was found positive following a screening for newly arrived inmates.

Dr Noor Hisham said that the Bayam Indah cluster in Kulim and Kuala Muda in Kedah reported 10 positive cases from 70 persons screened.

Of the 330 clusters in the country, 167 are still considered active.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

## Blood supply running low as donation drives stall

**PETALING JAYA:** The rising number of Covid-19 cases in several states has resulted in the cancellation of a number of blood donation campaigns, causing a depletion of blood stock.

National Blood Centre transfusion specialist Dr Nosasrina Ishak said that these scheduled mobile campaigns make up about 80% of blood supply.

From October to Nov 9, 145 mobile blood donation campaigns that had a target of 12,110 donations had to be postponed on request of the organisers, said Dr Nosasrina.

"Prior to the Covid-19 pandemic, the centre needed an average of 15,000 to 17,000 donations a month, with 80% of them from mobile blood donation campaigns," she told *The Star*.

She said that because of the rise in Covid-19 cases, people were also hesitant to donate blood.

The Blood Centre relies a lot on religious institutions, institutions of higher learning, private companies, and government departments for blood donation campaigns.

Dr Nosasrina said religious institutions such as mosques and churches could not organise blood donation campaigns as they were bound by strict standard operating procedure (SOP) while students of institutions of higher learning were no longer on campus.

Similarly, the majority of workers from private companies were still working from home.

Dr Nosasrina said that blood and its components such as red blood cells, platelets, and plasma had an expiry date.

Blood can last from 35 to 42 days, platelet for five days, while plasma can last for up to three years.

While blood supply is sufficient at the moment, the reduction in blood collection and a continuous use of blood to treat emergency cases have caused a decrease in stock at blood centres, especially in places with many Covid-19 cases.

She said that, as an essential service, people could still donate blood during the conditional movement control order at fixed donation sites for the centre as well as in the respective state hospital blood banks.

"There has been no reported case of Covid-19 spreading through blood donation.

"Blood donors and organisers of campaigns do not need to worry. It is a safe activity as long as people followed the new normal or the SOP," she said.

She also hoped people would not wait until the blood stock was low to donate because this could result in patients not receiving optimal treatment especially during an unpredictable disaster that would involve the use of a lot of blood.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : SPEAK UP

COMMENT by R. Murali Rajaratnam

# Video games can be good for mental health

**THE** Covid-19 lockdowns have boosted user engagement with video games around the world. Being an avid gamer myself, I can attest to this as I have been spending numerous hours on my console and PC.

Many gaming companies and platforms have seen their revenues increase during the pandemic.

In Australia, in the same week that social distancing rules were announced (March 16 to March 22), the sales of game consoles and games increased by 285.6% and 278.5% respectively.

There is a suggestion that the growth of gaming during the pandemic hasn't just been because people wanted more entertainment, but rather wanted more interpersonal interaction.

The top five most downloaded games during the lockdown all support a multiplayer experience.

In China, eight out of 10 of the fastest growing video games are also online games that allow multiple players to play simultaneously.

Self-Determination Theory posits three basic psychological needs for people's mental well-being: autonomy (feeling able to make choices, act in accordance

with individual values, and pursue meaningful goals); competence (feeling effective and capable of overcoming problems); and relatedness (feeling connected to others).

Satisfying these basic psychological needs leads to greater well-being and motivation.

Conversely, when these needs are frustrated (such as by home confinement and 'social distancing' of lockdown and intensification of passive surveillance) there may be negative effects.

Video games have potential to satisfy these psychological needs during the Covid-19 crisis.

Research shows games help facilitate a sense of autonomy by giving players a sense of being free to make choices and, depending on the game, provide a meaningful narrative for completing tasks.

Well-designed games facilitate a feeling of competence by presenting challenges that are neither too hard or too easy to achieve and imbue a sense of reward by finishing designed tasks.

Players also get a sense of progress and achievability while they play a game.

Games also offer a sense of relatedness as gamers can play

with friends, or even a stranger online (with whom you may be battling a common enemy or completing a same task together).

Gamers can also feel a sense of relatedness with the virtual characters in the game and with the game world itself. Identifying closely with a character and their situation motivates players to help the character, and, when the character succeeds in achieving tasks, enhances their sense of competence.

Some games have been developed specifically to promote mental well-being during the pandemic. For example, a game called *Shadow's Edge* aimed to help players cope with isolation and fear, using empirical and theory-based foundations like narrative therapy and artistic expression to enable players to save a city destroyed by a storm.

Such games are known as "functional games".

In conclusion, video games are a popular medium with potential to help people cope psychologically with many of the adverse aspects of the Covid-19 crisis.

Game providers can take steps to protect players' health and players should be aware of the need for moderation to keep themselves safe and healthy.

*The writer is senior lecturer at Faculty of University Foundation Studies, HELP Matriculation Centre.*

## A potted history of the PlayStation

Sony launches the PlayStation 5 this autumn. Together with its four earlier namesakes, it brings to almost 20 the number of game consoles produced by the Japanese tech giant since its 1994 debut model



Sales of all PlayStation consoles, from 1994 to 2020: 580 million units shipped. Illustration includes machines categorised as new consoles or re-releases by Sony only. Online television with built-in PlayStation. \*Units sold\* figure includes all re-releases of some console series. Sources: Gamestat, Guinness World Records, central-mirrors.com, Sony, PlayStation.Blog, Naughty Dog/Sony. © GRAPHIC NEWS